

12 JUN 2001

Mahathir-Tebusan

MALAYSIA KAJI PERMINTAAN SUPAYA BERUNDING DENGAN ABU SAYYAF

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan akan mengkaji permintaan supaya Malaysia turut serta dalam rundingan bagi membebaskan orang-orang yang diculik oleh kumpulan Abu Sayyaf di Selatan Filipina.

"Kita akan mengkajinya. Saya rasa jika ia bukan masalah besar sangat, kita akan membenarkannya," kata beliau kepada pemberita apabila ditanya sama ada kerajaan Malaysia akan membenarkan dua orang rakyatnya mengambil bahagian dalam proses rundingan bersama kumpulan Abu Sayyaf seperti yang diminta oleh kerajaan Filipina.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis makan tengah hari yang dianjurkan oleh Petronas sempena Persidangan Minyak dan Gas Asia 2001 yang bertema 'Keseimbangan dan Kestabilan: Kerjasama Di Kalangan Pengeluar dan Pengguna'.

Kerajaan Filipina semalam bersetuju membenarkan wakil-wakil dari Malaysia menjalankan rundingan dalam krisis tebusan itu seperti yang diminta oleh kumpulan Abu Sayyaf yang mengugut untuk memancung salah seorang warga Amerika yang dijadikan tebusan jika tuntutan mereka tidak dipenuhi.

Abu Sayyaf memilih dua warga Malaysia iaitu bekas senator Datuk Sairin Karno dan ahli perniagaan Yusof Hamdan, kedua-duanya dari Sabah.

Agensi-agensi berita asing melaporkan yang kumpulan bersenjata itu telah memancung salah seorang daripada tiga tebusan warga Amerika itu, tetapi Presiden Gloria Arroyo berkata beliau tidak dapat mengesahkan dakwaan itu.

Reuters hari ini memetik jurucakap presiden Rigoberto Tiglao sebagai berkata yang kerajaan Malaysia telah dimaklumkan akan permintaan itu tetapi tiada kata putus yang perunding itu akan datang.

Manila sebelum ini telah menolak perunding dari negara asing dengan Arroyo berkata ia masalah dalaman Filipina.

Kini terdapat tiga rakyat Amerika dan 28 warga Filipina yang dijadikan tebusan oleh kumpulan Abu Sayyaf selepas mereka diculik daripada sebuah pusat percutian di Palawan pada 27 Mei lepas dan dari sebuah perkampungan di selatan pulau Basilan.

-- BERNAMA

RV ZS PR